

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2018

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada ECRL adalah laluan '*single track*' atau '*double track*' dan sama ada ia menggunakan kereta api elektrik (laluan electrified) atau diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah memulakan pembinaannya pada Januari 2018 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir suku kedua tahun 2024. Projek ECRL merupakan projek keretapi elektrik yang membabitkan pembinaan landasan tunggal di atas formasi atau susunan tapak landasan berkembar (*single track on*

double track formation).

Keseluruhan landasan sepanjang 600.3km bagi Fasa 1 dari Kota Bharu ke ITT Gombak akan dibina menepati rekabentuk landasan berkembar yang akan disiapkan menjelang 2024. Bagi Fasa Kedua yang dianggarkan berjarak 88km di antara Gombak ke Pelabuhan Klang di Selangor dan Kota Bharu ke Pengkalan Kubor di Kelantan juga akan dibina menepati rekabentuk landasan berkembar. Hanya landasan tolok meter (*meter gauge*) dan tolok piawai (*standard gauge*) akan dibina selari di antara Pelabuhan Kelang dan Serendah di Selangor.

Kesemua infrastruktur projek ECRL ini akan dibina mengikut spesifikasi landasan berkembar, termasuk jambatan, terowong, *viaduct*, stesen dan kerja-kerja awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, keretapi api elektrik (*Electrical Multiple Unit* atau EMU) akan digunakan bagi membawa penumpang dengan kapasiti 600 penumpang setiap tren. Lokomotif elektrik pula akan digunakan bagi membawa kargo.

Sekian, terima kasih.